

# Buktikan kesetiaan laksana segala arahan pemimpin — Muhammad

UM 22 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Ahli-ahli UMNO digesa membuktikan kesungguhan dalam menyayangi pemimpin dengan mematuhi serta melaksanakan segala arahan, amanah dan wawasan daripada pemimpin parti.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, hanya dengan mematuhi dan melaksanakan apa jua arahan dan amanah, ia dapat membuktikan kesetiaan mereka terhadap pemimpin UMNO.

“Sehubungan itu, dengan jati diri orang Melayu yang semakin kental, kita tidak akan terpengaruh dengan sebarang fitnah atau adu domba yang direka oleh sesetengah pihak yakni musuh UMNO,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menggalang perbincangan pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Untuk itu katanya, ahli-ahli UMNO perlu mngetahui apakah ciri dan nilai yang ada pada diri mereka bagi membolehkannya dijadikan aset untuk parti.

“Kita perlu jujur dan komited mempraktikkan ciri dan nilai-nilai berkenaan.

“Namun begitu, sebagai ahli UMNO, kita juga perlu mengetahui apakah ciri dan nilai yang menjadi masalah kepada diri kita dan parti, supaya perkara ini boleh diperbaiki,” katanya.

Muhammad juga mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa kedudukan atau jawatan bukan menjadi ukuran yang memberi sumbangan kepada perjuangan dalam UMNO.

Menurutnya, sebarang polemik dan politik yang terarah kepada isu berhubung kedudukan dan jawatan dalam parti akan hanya merugikan parti serta lebih buruk lagi melemahkan bangsa Melayu.

“Parti yang kuat akan melahirkan negara yang kukuh dan stabil. Parti yang kuat akan mengangkat martabat bangsa dan negara.

“Sebaliknya parti yang lemah akan melemahkan bangsa dan negara,” katanya.

Beliau berkata, UMNO sebagai parti pemerintah tidak boleh lemah kerana ia akan merosakkan pencapaian yang ada.

Jelasnya, orang-orang Melayu perlu melihat pengalaman negara lain di mana parti pemerintah yang lemah tidak boleh membu-

at perubahan pada negara dan bangsanya hingga terperangkap dalam banyak masalah.

“Pesanan saya ialah jaga parti dengan baik dan pastikan UMNO sentiasa kuat. Anggaplah kita semua berpegang kepada amanah Allah s.w.t dan mempunyai tanggungjawab besar untuk pastikan UMNO terus berjaya,” katanya.

Katanya, secara peribadi, beliau mengucapkan terima kasih pada Dr. Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada beliau menjawat jawatan Menteri Besar Selangor dari tahun 1986 hingga 1997.

“Segala arahan yang telah diberi oleh Dr. Mahathir telah cuba saya lakukan,” katanya.

Di samping itu, Muhammad berjanji akan terus menyokong dan taat setia kepada UMNO di bawah pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kepimpinan UMNO.